



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
 BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
 50634 KUALA LUMPUR
 Tel: 03-40130078
 Laman Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR
 1 JUN 21 (SELASA)
 (Dikeluarkan pada jam 6.00 petang)

ATM TERUS KOMITED MEMBANTU NEGARA DALAM MENGUATKUASAKAN FASA PERTAMA 'TOTAL LOCKDOWN' DAN MENJAYAKAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

1. Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM menyatakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan terus komited dan mempertingkatkan kesiagaannya bagi membantu negara dalam melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara bermula Selasa ini, 1 Jun 21 hingga 14 Jun 21. Komitmen dan peningkatan kesiagaan ini meliputi aspek aturgerak anggota dan aset melalui pelaksanaan OP PENAWAR, OP BENTENG dan bantuan perkhidmatan kesihatan dalam menangani penularan pandemik COVID-19 yang menunjukkan *trend* peningkatan jangkitan wabak berkenaan di seluruh negara.

OP PENAWAR.

2. Ketika ini, melalui pelaksanaan OP PENAWAR yang dikoordinasikan oleh Tentera Darat Malaysia (TDM), seramai **3,300 anggota ATM** meliputi ketiga-tiga perkhidmatan iaitu TDM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), telah diaturgerak bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam penugasan Sekatan Jalan Raya (SJR) / Pos Statik dan *Rondaan Mobile Patrol Vehicle (MPV)* di seluruh negara.

3. Aturgerak dan kesiagaan ini turut meliputi aspek kawalan dan rondaan keselamatan di kawasan berisiko tinggi yang telah diisytiharkan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), lokasi-lokasi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan pelaksanaan Task Force Operasi Pematuhan bagi memantau serta menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Seramai **1,164 anggota** juga sebagai kumpulan sokongan bagi aspek lain-lain penugasan yang menyokong kepada pengurusan dan pelaksanaan OP PENAWAR ini, turut diaturgerakkan bagi menjayakan Fasa Pertama 'total lockdown' berkenaan.

OP BENTENG

4. ATM sebagai agensi peneraju di dalam National Task Force (NTF) bersama PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain akan terus bekerjasama dalam memperkasakan kawalan persempadanan Negara bagi mengekang sebarang aktiviti jenayah rentas sempadan terutama melibatkan pencerobohan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

5. Aspek peningkatan keselamatan dalam operasi kawalan persempadanan ini bukan sahaja tertumpu kepada daratan malah turut melibatkan persempadanan maritim negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Ini juga termasuk mempertingkatkan kerjasama kawalan sempadan di bawah tanggungjawab Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). OP BENTENG telah mencapai banyak kejayaan dalam sepanjang tempoh pengoperasian dari Mei 2020 sehingga sekarang melalui tangkapan dan nilai rampasan yang tinggi. Kesepaduan ketiga-tiga komponen darat, laut dan udara di bawah NTF juga berjaya meningkatkan kerjasama dari aspek sistem pengesanan dan jaringan sistem komunikasi seperti penggunaan RMPnet di antara semua agensi terlibat. Dengan adanya jaringan komunikasi yang mantap, ianya telah berjaya melancarkan lagi perhubungan di antara semua agensi terutama semasa melaksanakan operasi bersepadu.

6. Dengan adanya kerjasama bersepadu bersama 19 agensi ini, NTF telah berjaya memperketatkan kawalan sempadan darat, laut dan udara negara di samping memudahkan proses kerja setiap agensi dalam mencapai misi operasi. Ini kerana kebanyakan aktiviti-aktiviti pencerobohan yang berlaku adalah saling berkait dengan jenayah-jenayah rentas sempadan yang lain. Secara keseluruhannya, melalui Op BENTENG di seluruh negara, seramai 12,285 anggota telah diaturgerak bagi mengekang kemasukan PATI daripada membolosi sempadan negara terutama melalui 'lorong-lorong tikus'. Melalui kerjasama bersepadu ini, kejayaan yang telah dicapai secara kumulatifnya sejak 06 Mei 20 sehingga 31 Mei 21 adalah meliputi tangkapan seramai **14,040 orang PATI, 1,055 orang tekong dan 664 orang penyeludup**. Manakala sejumlah 8,617 pelaporan melibatkan **5,221 kes tangkapan, 1,593 kes rampasan, 379 kes pengusiran dan 1,421 kes penglihatan** serta melibatkan nilai rampasan adalah berjumlah **RM 528.6 juta**.

7. Dalam tempoh dua minggu fasa pertama *lockdown*, dijangka akan menyaksikan peningkatan pergerakan keluar/masuk PATI secara berterusan melalui lorong-lorong tikus khususnya di kawasan *hotspot* di bahagian Pantai Barat, Selatan dan Utara Semenanjung serta sempadan Sabah dan Sarawak. Aktiviti jenayah rentas sempadan dipercayai akan terus berlaku di Utara Semenanjung dan sempadan Sarawak-Kalimantan. Oleh itu, NTF akan memastikan semua agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang terlibat bersiap sedia dalam segala aspek bagi menjaga sempadan negara pada sebarang masa dalam memastikan tiada PATI dan aktiviti jenayah rentas sempadan berlaku.

BANTUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ATM

8. ATM juga melalui Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT) terus komited bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memberi tumpuan kepada bantuan pengoperasian Hospital dan Unit Rawatan Rapi Medan (ICU) ATM. Berdasarkan peruntukan RM 450 juta seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bagi meningkatkan kapasiti katil dan peralatan ICU bagi rawatan COVID-19, ATM melihat peruntukan yang diberikan kepada hospital seliaan KKM, Hospital Pengajar

Universiti Awam dan tidak ketinggalan kepada Hospital Medan ATM sendiri, ia merupakan inisiatif terbaik kepada pemerkasaan perkhidmatan kesihatan yang diberikan.

9. Melalui peruntukan berkenaan, ATM dapat meningkatkan keupayaan pengoperasian hospital medan yang diselia oleh PKAT. Pada masa yang sama dapat menambahbaik segala keperluan perkhidmatan kesihatan yang diberikan dalam menyokong usaha kerajaan meningkatkan kapasiti kesihatan awam untuk menangani penularan wabak COVID-19 ini.

10. Pada masa kini, Hospital Medan Kapit di Sarawak yang telah diaturgerakkan pada 6 Mei 21 lalu, masih memberi tumpuan rawatan kepada pesakit bukan COVID bagi membantu Hospital Daerah Kapit yang memberi tumpuan rawatan kepada pesakit COVID-19. Sejak hari pertama menerima pesakit iaitu pada 10 Mei lalu hingga kini, hospital medan berkapasiti 40 katil itu telah menempatkan seramai 35 pesakit dan 24 daripada mereka telah dibenarkan keluar. Sehingga kini juga, ATM telah menempatkan 6 pegawai serta 53 anggota lain-lain pangkat serta turut dibantu 10 jururawat dan 6 anggota perkhidmatan sokongan dari KKM.

11. Bagi pengoperasian ICU Medan ATM untuk pesakit COVID-19 di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang, ia telah beroperasi sepenuhnya pada 30 Mei 21 dengan kapasiti 24 katil. Aturgerak ICU Medan ini melibatkan 3 pegawai dan 30 anggota lain-lain pangkat daripada 2 Bn Ubat dan 2 Pakar Bius daripada Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan. Pada masa kini, seramai 3 pesakit COVID-19 telah ditempatkan di ICU Medan berkenaan.

12. ATM turut mengaturgerakkan petugas perubatan di PKRC, MAEPS, Serdang dalam membantu KKM menguruskan pusat kuarantin berkenaan. Sehingga kini, ATM telah menempatkan 21 petugas perubatan, 130 petugas keselamatan dan 15 petugas khas di pusat berkenaan.

BANTUAN LOGISTIK UDARA

13. Di samping, mengaturgerakkan anggotanya di dalam penugasan OP PENAWAR, TUDM juga terus komited melaksanakan penerbangan "logistic communication" membawa peralatan dan barangan perubatan menggunakan pesawat TUDM dari Pangkalan Udara Subang terutama ke Wilayah Sarawak dan Wilayah Sabah berdasarkan keperluan semasa. Ini juga merupakan kerjasama ATM dan KKM untuk memastikan keperluan terutamanya aspek logistik perubatan di kedua-dua wilayah berkenaan tidak terputus.

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

14. ATM turut diberi kepercayaan penuh dalam membantu menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Bagi menjayakan program berkenaan, ATM telah merangka pelan tindakan pengurusan dan pengendalian vaksin bagi memastikan keseluruhan program imunisasi yang dirangka oleh Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pasukan Petugas Imunisasi COVID-19 (CITF) dapat dilaksanakan dengan teratur, mencapai matlamat serta mengurangkan sebarang pembaziran penggunaan vaksin berkenaan.

15. Melalui CITF yang diketuai oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dengan dibantu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Timbalan Panglima Tentera Darat, ATM berperanan kepada koordinasi bantuan kawalan pergerakan dan logistik dari Pusat Simpanan Vaksin (PSV) ke lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV)

seluruh negara. Wakil ATM juga ditempatkan bersama urusetia di peringkat pusat dan negeri bagi membantu KKM dan CITF merancang pelaksanaan program imunisasi ini terutama koordinasi bantuan logistik di PSV dan PPV.

16. Di samping itu, ATM juga dipertanggungjawabkan sebagai koordinator pengurusan program di PPV Mega untuk mengkoordinasi para petugas bukan kesihatan terutama petugas keselamatan di PPV yang terdiri daripada PDRM, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Ini telah dapat membantu mengawal kelancaran pemberian vaksin berkenaan.

17. ATM juga kini dalam pelaksanaan Program Vaksinasi COVID-19 peringkat ATM. Pelaksanaan program ini dapat mengekalkan keupayaan serta kesiagaan ATM bagi memastikan kesejahteraan dan kedaulatan Negara sentiasa terpelihara seterusnya mencapai objektif '*herd immunity*'. Sehubungan itu, melalui pelan tindakan dan pengurusan proses pengagihan serta penerimaan vaksin yang dirancang, ia telah diselia secara berperingkat oleh PKAT termasuk koordinasi sumber manusia dan latihan anggota kesihatan ATM bagi memastikan proses pengurusan dan pemberian vaksin ini dilaksanakan dengan efisien.

18. Sehingga kini, ATM telah memberikan **112,348 dos vaksin untuk 56,174 pegawai dan anggota** berdasarkan bidang penugasan serta kawasan berisiko di mana mereka ditempatkan. Pemberian vaksin ini juga termasuk kepada petugas pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasaan di Markas NTF.

19. Pada Jun ini, ATM menerima **81,900 dos vaksin** bagi meneruskan program vaksinasi kepada anggota ATM. ATM juga di jangka menerima kuota tambahan vaksin yang akan diberikan kepada veteran ATM dan ahli keluarga warga ATM. Setelah selesai program vaksinasi keseluruhan warga ATM, veteran dan ahli keluarga, PKAT akan membantu Negara di dalam menyelesaikan Program Imunisasi Kebangsaan di seluruh negara.

20. Sesungguhnya, peranan dan penglibatan aktif ATM dalam program imunisasi ini akan membantu mengekang penularan wabak COVID-19 bukan sahaja di kalangan warga petugas barisan hadapan malah di kalangan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

21. ATM sentiasa komited dengan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi membantu kerajaan memerangi sepenuhnya penularan wabak COVID-19 ini. Adalah diharapkan, masyarakat di setiap peringkat lapisan dapat memberi kerjasama sepenuhnya terutama mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan demi kesejahteraan dan kesihatan semua pihak. Program imunisasi yang dilaksanakan juga merupakan langkah berkesan dalam usaha mewujudkan *herd immunity* dan seterusnya dapat memutuskan penularan wabak berkenaan.

TAMAT-

"KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Markas Angkatan
Tentera Malaysia



official.atm2020



@MarkasATM



Markas ATM

